

23 JAN 1998

PERDANA MENTERI KUNJUNG PEKAN RABU (Bergambar)

ALOR SETAR, 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini meluangkan masa selama setengah jam melawat sambil membeli kuih raya di kompleks Pekan Rabu di sini.

Sepanjang kunjungan itu Perdana Menteri beramah mesra dengan beberapa orang peniaga di kompleks berkenaan.

Kunjungan ini dilakukan Dr Mahathir setiap tahun menjelang Hari Raya Aidilfitri dan satu daripada gerai yang sering dikunjunginya ialah gerai menjual kuih raya kepunyaan Aishah Che Mat.

Aishah, 79, berkata Dr Mahathir dan isteri membeli 55kg dodol beserta 13 kotak kuih raya tradisional dan moden berjumlah RM1,170.

Perdana Menteri dan isteri kemudian berlepas ke Jitra, kira-kira 20km dari sini untuk merasmikan kompleks Tenaga Nasional Berhad serta berbuka puasa di situ. -- BERNAMA

MAN RON